

## KESAN PENGGUNAAN KIT ASAS MEMBACA BAHASA MELAYU UNTUK MURID BERMASALAH PEMBELAJARAN

### [USAGE EFFECTS OF BASIC MALAY LANGUAGE READING KIT FOR STUDENTS WITH LEARNING DIFFICULTY]

NATASYA AMIRA AB RAZAK<sup>1\*</sup> & MOHD MOKHTAR TAHAR<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.  
Corespondent Email: P104544@siswa.ukm.edu.my

---

Received: 17 May 2022

Accepted: 13 June 2022

Published: 21 June 2022

---

**Abstrak:** Golongan murid masalah pembelajaran merupakan individu yang telah dikenalpasti secara klinikal bahawa mereka ini mempunyai ketidakupayaan dari segi kekurangan pemahaman di dalam pembelajaran yang menyebabkan mereka tidak mempunyai daya pengamatan yang tinggi. Disebabkan itu, murid ini memerlukan satu alat bantuan yang boleh membantu menambahkan lagi daya pengamatan dalam pembelajaran dan pemudahcaraan. Satu kajian telah dijalankan bagi melihat kesan penggunaan kit asas membaca Bahasa Melayu terhadap pengecaman perkataan bergambar dan sebutan suku kata dan perkataan dalam kalangan murid-murid bermasalah pembelajaran. Kaedah kualitatif telah digunakan dan melibatkan seramai lima orang pelajar daripada murid-murid sekolah rendah di salah sebuah sekolah di negeri Johor. Kaedah pemerhatian telah digunakan bagi mendapatkan keputusan secara langsung daripada murid-murid berkenaan. pengkaji telah menganalisis secara deskriptif bagi mendapatkan keputusan kajian tersebut. Berdasarkan kepada hasil pemerhatian, pengkaji mendapati bahawa kesemua lima orang pelajar berkeperluan khas tersebut tidak mampu untuk menyebut perkataan dan suku kata yang telah disediakan oleh guru tersebut. Walaubagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa kesemua responden mempunyai pengetahuan dalam mengecam perkataan bergambar yang telah diberikan. Implikasi kajian ini mendapati penggunaan kit ini dapat membantu guru-guru dalam meningkatkan lagi keberkesanan dalam teknik pengajaran mereka yang mempunyai masalah pembelajaran.

**Kata kunci:** murid bermasalah pembelajaran, suku kata dan perkataan.

**Abstract:** Students with learning difficulties are individuals who have been clinically identified to have a disability in terms of a lack of understanding in learning that causes them to have a low level of perception. Because of that, these students need an aid that enhances their perception of learning and facilitation. A study was conducted to see the usage effect of the basic Malay reading kits on the recognition of pictorial words and pronunciation of syllables and words among students with learning difficulties. Qualitative methods were used and involved five students from primary school in one of the schools in the state of Johor. Observation methods were used to obtain results directly from the students. The researcher analyzed descriptively to obtain the results. Based on the observation, the researcher found that all five students with special needs were unable to pronounce the words and syllables provided by the teacher. However, the researcher found that all respondents know and recognize the pictorial words given. The implications of this study are the use of this kit helps teachers to further improve the effectiveness of their teaching techniques for students with learning difficulties.

**Keywords:** Students with learning difficulties, syllables and words.

**Cite This Article:**

Natasya Amira Ab Razak & Mohd Mokhtar Tahar. (2022). Kesan Penggunaan Kit Asas Membaca Bahasa Melayu untuk Murid Bermasalah Pembelajaran [Usage Effects of Basic Malay Language Reading Kit for Students with Learning Difficulty]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(3), 102-112.

## PENDAHULUAN

Pendidikan merupakan salah satu elemen yang terpenting di negara kita. Ini adalah untuk memastikan negara sentiasa melahirkan individu yang mampu mentadbir negara walau apa jua keadaan mereka sekalipun. Penglibatan murid-murid di setiap peringkat sekolah rendah dan menengah bukan sahaja mempunyai anak-anak yang sihat dari segi kecerdasan mereka tetapi juga melibatkan anak-anak yang mempunyai masalah dari segi pemahaman, pertuturan dan fizikal khususnya murid-murid pendidikan khas. Menurut Aziezatul Nezirah Amri et al., (2019), Murid-murid yang dikategorikan sebagai golongan yang berkeperluan khas adalah merupakan individu yang mempunyai ketidakupayaan, ketidaksempurnaan dalam bentuk fizikal ataupun mental dan mengalami kecacatan. Ketidakupayaan yang dialami oleh mereka menyebabkan murid ini tidak memperoleh pendidikan seiring dengan waktu dan memerlukan masa untuk memahami sesuatu pembelajaran tersebut. Secara tidak langsung ia menyebabkan mereka ketinggalan di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran mereka (Husin, 2016).

Tambahan lagi, menurut Nur Syamira Mohamad Nor dan Harun Baharudin (2021) seseorang murid yang mempunyai masalah pembelajaran tidak akan dapat melibatkan diri mereka di dalam sebarang aktiviti pembelajaran terutamanya kemahiran membaca. Apabila tidak terdapat sebarang penglibatan di dalam mana-mana aktiviti pembelajaran di dalam kelas, ianya akan menyebabkan murid tersebut tidak dapat mengukuhkan lagi diri mereka dengan kemahiran membaca (Savitory Chelliah, 2022). Dalam pada itu, menurut Nora'Azian dan Fadzilah (2018) kekurangan kaedah yang komprehensif juga akan menyebabkan masalah pembelajaran dan keupayaan murid tersebut untuk membaca tidak meningkat dalam jangka masa yang pendek. Sharinah Mohd Ibrahim (2016) menyatakan bahawa secara umum golongan murid yang mempunyai masalah pembelajaran mempunyai keupayaan mental yang terbatas dan mereka tidak boleh menggunakan sebarang teknik-pengajaran yang biasa digunakan terhadap murid tipikal.

Menurut Nurul Haniza (2018) bantuan alat bantu mengajar dapat memperkuuhkan kemahiran membaca dari semasa ke semasa bagi murid bermasalah pembelajaran. Selain itu, menurut Rashidah Elias dan Senana Sulaiman (2016), penggunaan alat bantu mengajar yang kurang menarik merupakan antara faktor utama yang menyebabkan masalah pembelajaran dalam kalangan murid-murid berkeperluan khas. Rashidah (2016), turut menambah bahawa disebabkan golongan murid-murid masalah pembelajaran ini tidak mempunyai daya pengamatan yang tinggi telah menyebabkan mereka memerlukan satu alat bantuan yang boleh membantu menambahkan lagi daya pengamatan mereka. Disebabkan hal itu, satu kajian telah dilaksanakan oleh pengkaji untuk melihat apakah kesan penggunaan kit asas Bahasa Melayu dalam meningkatkan kemahiran pengecaman gambar bagi murid bermasalah pembelajaran dan apakah kesan penggunaan kit asas Bahasa Melayu dalam meningkatkan kemahiran mengenal suku kata dan perkataan murid bermasalah pembelajaran.

Justeru, melalui pelaksanaan kajian tindakan ini dapat dilihat ianya memberikan kepentingan kepada beberapa pihak seperti menambahkan lagi keberkesanan di dalam teknik pengajaran guru-guru dan meningkatkan pencapaian yang lebih tinggi dalam prestasi murid-murid. Akhir sekali, dapat membantu murid bermasalah pembelajaran meningkatkan tahap kecemerlangan mereka di dalam subjek Bahasa Melayu.

## ALAT BANTU MENGAJAR

Menurut Stringer (dipetik dari Mookan et al., 2021), “Alat bantu mengajar merupakan bahan atau sumber yang digunakan bagi memudah dan meringkaskan penyampaian kandungan topik pengajaran” (p. 230). Semasa sesi pengajaran dan pembelajaran, para guru digalakkan untuk menggunakan alat bantu mengajar bagi memudahkan pelajar untuk memahami pengajaran dan meningkatkan lagi keberkesanan sesi pengajaran dan pembelajaran untuk topik tersebut. Nor Hazlinda Shamsudin dan Zulkurnain Hassan (2021) menyatakan bahawa pencapaian pelajar dalam memahami sesbuah subjek dapat ditingkatkan melalui inovasi yang telah dilakukan terhadap alat bantu mengajar. Ia turut dinyatakan bahawa dengan penggunaan alat bantu mengajar ini dapat menimbulkan minat ataupun keinginan murid-murid untuk mempelajari sesuatu pengajaran dengan lebih mendalam (Zainal Abidin & Suhaimi Mohamad; dipetik dari Nor Hazlinda Shamsudin & Zulkurnain Hassan, 2021).

Libau dan Ling (2020) turut bersetuju dengan keberkesanan alat bantu mengajar dalam kajiannya yang bertajuk “Peranan bahan bantu mengajar dan persekitaran maklum balas dalam meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar”. Kajian ini telah dijalankan bagi mengkaji peranan alat bantu mengajar dan maklumbalas terhadap kualiti bagi pembelajaran para pelajar di Sarawak. Kajian ini telah dijalankan menerusi kaedah deskriptif kuantitatif dan melibatkan seramai 116 orang pelajar dari institusi TVET di negeri tersebut. Pengumpulan data kajian Libau dan Ling dibuat dengan mengedarkan borang kaji selidik dan disesuaikan berdasarkan kepada kajian yang lepas. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan bahan bantu mengajar telah memberikan kesan terhadap pembelajaran para pelajar.

Farihah Hussain et al. (2020) turut menjalankan kajian terhadap pengaplikasian alat bantu mengajar di dalam tajuk kajian “Amalan Bahan Bantu Pengajaran Guru Dalam Pengajaran Nahu Kurikulum Bersepadu Dini”. Kajian ini telah dijalankan bagi menceritakan dengan lebih lanjut tentang penggunaan bahan bantu mengajar di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bagi subjek nahu kurikulum bersepadu dini. Kajian ini telah dijalankan menggunakan kaedah kualitatif iaitu penyiasatan ke atas kajian kes dan telah melibatkan seramai 7 orang guru yang bertanggungjawab dalam subjek *nahu al-Lughah al-Arabiah al-Mua’siroh* (LAM). Pengumpulan data telah diambil melalui sesi temu bual separa berstruktur, kaedah pemerhatian semasa sesi pengajaran dan juga penganalisisan terhadap dokumen. Kajian ini telah dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti.8. Hasil dari kajian ini mendapati bahawa terdapat pengaplikasian alat bantu mengajar dalam kalangan guru bahasa Arab dalam sesi pengajaran nahu.

Melalui hasil perbincangan daripada kajian - kajian lepas, dapat dilihat bahawa terdapat kajian yang membincangkan topik peranan dan penggunaan alat bantu mengajar dalam kalangan pelajar. Dengan hal itu, dapat dirumuskan pada hasil kajian lepas bahawa alat bantu

mengajar dapat meningkatkan kemahiran murid dan meningkatkan keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran.

## **MURID MASALAH PEMBELAJARAN**

Menurut Norleena Gutasan et al., (2021), menyatakan bahawa murid bermasalah pembelajaran adalah merujuk kepada murid-murid yang mempunyai masalah di dalam pembelajaran mereka terutamanya dari sudut komponen menulis, membaca dan mengira. Ali dan Sahal (2021), turut menambah bahawa antara ciri-ciri murid yang mempunyai masalah pembelajaran iaitu mereka sukar untuk mempelajari kemahiran dan mengikuti setiap arahan yang diberikan selain mereka turut lemah dalam memberikan tumpuan semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

Antara kajian yang membincangkan mengenai topik murid bermasalah pembelajaran adalah seperti kajian yang dijalankan oleh Aina Nurfasya Ramli dan Rosadah Abd Majid (2021) yang bertajuk “Pelaksanaan Terapi Pertuturan Kepada Murid Bermasalah Pembelajaran”. Kajian ini telah dijalankan bagi melihat bagaimana penggunaan dan pelaksanaan terapi pertuturan dapat mempengaruhi peningkatan dalam kemahiran sosial dan penglibatan para murid yang mempunyai masalah pembelajaran semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif dimana ia melibatkan 10 peserta yang mana masing-masing merupakan pelajar dan guru bagi Pendidikan Khas di sebuah sekolah di Selangor. Lima peserta kajian primer adalah daripada murid bermasalah pembelajaran dan 5 peserta lagi merupakan peserta tertunda yang diambil daripada kalangan guru pendidikan khas. Kajian mendapati bahawa melalui penggunaan dan pelaksanaan terapi pertuturan dapat meningkatkan lagi kemahiran bersosial murid-murid dan juga penglibatan mereka semasa sesi pengajaran dan pembelajaran.

Bagi Abdullah Yusoff dan Che Rabiaah Mohamed (2014), kajian yang dijalankan oleh mereka ialah bertajuk “Masalah Pembelajaran: Tanda Dan Simptom Kecacatan Komunikasi Lisan Murid Pendidikan Khas”. Kajian yang dijalankan bertujuan untuk melihat tanda-tanda murid bermasalah dalam kecacatan komunikasi lisan. Kajian ini telah melibatkan seramai 1125 orang murid Pendidikan Khas yang terdapat di 56 buah sekolah di negeri Kelantan. Kajian ini telah menggunakan kaedah semakan dokumen dalam profil murid yang menggunakan skala empat likert bagi mengumpulkan data. Hasil kajian mendapati 6 peratus daripada keseluruhan peserta mempunyai kecacatan komunikasi lisan.

Berdasarkan perbincangan kajian-kajian lepas, dapat dilihat banyak perbincangan tentang pelaksanaan terapi pertuturan, tanda-tanda yang menunjukkan kecacatan komunikasi lisan dan pengubahsuaian pengajaran semasa sesi pengajaran dan pembelajaran murid-murid bermasalah pembelajaran. Namun begitu, masih belum banyak kajian yang membincangkan tentang kesan penggunaan kit asas membaca Bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid bermasalah pembelajaran khususnya bagi murid-murid Pendidikan Khas.

## **METODOLOGI**

Di dalam kajian ini, kaedah kualitatif telah digunakan bagi mengenalpasti kesan dari penggunaan kit asas Bahasa Melayu dalam meningkatkan kemahiran mengenal suku kata dan perkataan bagi murid masalah pembelajaran. Kaedah ini digunakan disebabkan responden yang

digunakan adalah sedikit dan murid yang mempunyai masalah pembelajaran agar pengumpulan data dapat diambil dengan tepat. Hasil pengumpulan data dan analisis telah diletakkan di dalam senarai semak yang telah disediakan.

## **POPULASI**

Pengkaji telah melibatkan seramai lima orang murid di salah sebuah sekolah rendah di negeri Johor. Bagi mengumpulkan data di dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah persampelan bukan kebarangkalian ataupun dikenali sebagai secara tak rawak. Tujuannya adalah bagi mendapatkan maklumat daripada kumpulan murid tersebut. Persampelan tujuan telah digunakan bagi memenuhi kriteria kajian ini iaitu bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada kumpulan murid yang berkeperluan khas khususnya di dalam masalah pembelajaran. Kesemua peserta kajian merupakan daripada murid tahun empat dan terdiri daripada tiga orang pelajar lelaki dan dua orang pelajar perempuan.

## **INSTRUMEN**

Melalui kajian ini, terdapat dua persoalan yang ingin dikaji oleh pengkaji iaitu untuk melihat kesan penggunaan kit asas Bahasa Melayu terhadap pengecaman gambar perkataan dan kemahiran menyebut suku kata dan perkataan. Berdasarkan kepada dua persoalan kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian bagi melihat kesan penggunaan kit asas Bahasa Melayu dalam kalangan murid berkeperluan khas khususnya dalam masalah pembelajaran. Bagi mengumpulkan data untuk kajian ini, pengkaji telah melakukan pemerhatian terhadap lima orang murid tahun empat sebanyak dua kali iaitu sebelum dan selepas penggunaan kit asas bahasa Melayu. Kaedah pemerhatian telah digunakan bagi mendapatkan keputusan secara langsung daripada murid-murid berkenaan. Ujian pengecaman gambar dan suku kata terdiri daripada enam perkataan v+kv, enam perkataan v+kvk dan enam perkataan kv+kv. Guru akan membuat ujian dengan memanggil murid secara berasingan untuk mengelakkan peniruan sesama mereka. Kit diletakkan di atas meja yang terdiri daripada gambar-gambar dan perkataan. Selepas itu, guru akan melekatkan gambar tersebut di atas kit dan murid perlu mengecam gambar tersebut. Selepas itu, murid diminta untuk menyusun suku kata di atas kit tersebut. Sekiranya kit tersebut berlampa, murid itu berjaya menjawab soalan yang terdapat dalam senarai semak. Sekiranya jawapan salah, kit tersebut tidak akan berlampa. Guru akan memberi markah pada borang tersebut sekiranya murid berjaya menjawab soalan.

## **KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN**

Bagi meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan kajian, pengkaji telah melakukan pemerhatian secara langsung. Dalam pada itu pengkaji juga telah membina satu senarai semak bagi memberikan respon secara terus berdasarkan pemerhatian yang dilakukan. Senarai semak ini telah mendapat pengesahan pakar daripada guru bahasa melayu untuk mengukur tahap kemahiran murid. Sebelum murid-murid diperkenalkan dengan penggunaan kit asas bahasa melayu, mereka telah dinilai berdasarkan pengetahuan asas mereka terhadap suku kata dan perkataan mereka. Kemudian, pengkaji telah menunjukkan kit asas bahasa melayu kepada para

peserta tersebut dan memperkenalkan beberapa suku kata yang terdapat di dalam kertas senarai semak tersebut. Kemudian pengkaji telah melakukan pemerhatian setelah pengenalan terhadap kit asas bahasa melayu digunakan.

## **CARA PENGUMPULAN DATA**

Bagi mengumpulkan data, pengkaji telah melaksanakan sebanyak dua pemerhatian terhadap lima murid-murid berkeperluan khas khususnya dalam masalah pembelajaran. Dua pemerhatian ini telah dibahagikan kepada dua keadaan iaitu sebelum dan selepas penggunaan kit asas bahasa melayu. Pada pemerhatian yang pertama, iaitu ujian suku kata kali pertama dijalankan. Peserta akan diberikan suku kata yang telah disediakan dan mereka akan melakukan sebutan huruf berdasarkan apa yang diketahui oleh mereka. Kemudian, pengkaji akan melakukan pemerhatian dan menandakan setiap soalan yang telah disediakan di senarai semak dan memberikan respon mereka berdasarkan pemerhatian tersebut. Setelah itu, pengkaji akan melakukan pemerhatian yang kedua iaitu ujian suku kata kali kedua dijalankan. Di dalam sesi yang kedua ini, para peserta akan diperkenalkan dahulu dengan penggunaan kit asas bahasa melayu bagi meningkatkan kemahiran suku kata dan perkataan mereka. Kemudian mereka akan diberikan gambar bagi menguji pengenalan mereka terhadap suku kata dan perkataan tersebut. Akhir sekali, guru akan menandakan setiap soalan yang terdapat di senarai semak tersebut dan memberikan respons berdasarkan tindakan yang dijalankan oleh murid-murid tersebut.

## **ANALISIS DATA**

Bagi menganalisis data kajian ini, pengkaji telah memindahkan maklumat di dalam senarai semak tersebut ke dalam bentuk jadual bagi memudahkan analisis dijalankan. Kemudian, pengkaji akan menganalisis data secara deskriptif bagi mendapatkan keputusan kajian tersebut. Bagi ujian kali pertama dan kedua pengecaman gambar dan suku kata yang diberikan mempunyai markah. Terdapat enam gambar dan enam suku kata bagi setiap v+kv, v+kvk dan kv+kv. Sekiranya murid berjaya menjawab betul, satu markah akan diberikan. Jika murid gagal menjawab, markah tidak akan diberikan.

## **DAPATAN**

Dalam menguasai kemahiran kognitif dan persekitaran sosial manusia, individu tersebut perlu mempunyai asas penting iaitu asas membaca (Yahya, Roselan & Naffi 2009; Yahya Othman et al. 2012). Namun begitu, bagi mempunyai kemahiran asas membaca, individu perlu mempunyai kemahiran untuk menyebut suku kata ataupun perkataan yang dilihat oleh mereka. Di bawah merupakan hasil pemerhatian sebelum dan selepas responden menggunakan kit asas bahasa melayu dalam meningkatkan kemahiran mengenal suku kata dan mengecam gambar yang telah dijalankan oleh pengkaji terhadap lima murid masalah pembelajaran.

1. Kesan penggunaan kit asas bahasa melayu dalam meningkatkan kemahiran mengecam gambar bagi murid masalah pembelajaran.

## Jadual 1.0 Jadual Senarai Semak

Gambar Perkataan	R1	R2		R3		R4		R5		
	ADHD	Disleksia		Disleksia		ADHD	Autisme			
	Sblm	Slps	Sblm	Slps	Sblm	Slps	Sblm	Slps	Sblm	Slps
V+KV	Api	/	/	/	/	/	/	/	/	/
	Aki		/							/
	Ubi	/	/	/	/	/		/	/	/
	Ibu	/	/	/	/	/	/	/	/	/
	Isi		/	/	/	/	/	/	/	/
	Alu					/			/	/
V+KVK	Ayam	/	/	/	/	/	/	/	/	/
	Awan	/	/	/	/	/	/	/	/	/
	Itik	/	/	/	/	/	/	/	/	/
	Ikan	/	/	/	/	/	/	/	/	/
	Ular	/	/	/	/	/	/	/	/	/
	Enam	/	/	/	/	/	/	/		
KV+KV	Cili	/	/	/	/	/	/	/	/	/
	Beca	/	/	/	/	/	/	/	/	/
	Lori	/	/	/	/	/	/	/	/	/
	Guli	/	/	/	/	/	/	/	/	/
	Mata	/	/	/	/	/	/	/	/	/
	Labu	/		/	/	/				

R1-Responden 1 R2- Responden 2 R3- Responden 3 R4- Responden 4 R5- Responden 5  
 Sblm – Sebelum Slps - Selepas

Dalam jadual 1.0 di atas, bagi responden yang pertama, murid tersebut tidak dapat mengecam lima gambar yang telah diberikan oleh pengkaji dan gambar tersebut adalah bagi perkataan aki, isi, alu, enam dan labu. Walau bagaimanapun, setelah menggunakan kit asas bahasa melayu, murid tersebut dapat mengecam hampir semua perkataan kecuali satu gambar sahaja iaitu bagi perkataan alu.

Bagi responden yang kedua pula, semasa pengkaji menunjukkan gambar-gambar perkataan semasa sesi ujian yang pertama, didapati bahawa murid tersebut tidak mampu untuk mengecam gambar bagi perkataan aki, alu dan labu. Namun begitu, setelah menggunakan kit asas Bahasa Melayu, hanya terdapat satu kesalahan perkataan sahaja dari perkataan-perkataan yang murid tidak mampu cam semasa sesi ujian yang pertama.

Untuk responden yang ketiga, semasa sesi pengecaman gambar untuk perkataan-perkataan yang diberikan oleh guru, murid tersebut tidak mampu untuk mengecam dua perkataan iaitu aki dan alu. Walaubagaimanapun, setelah menggunakan kit asas bahasa melayu, murid tersebut sudah mampu mengecam satu perkataan lagi iaitu alu.

Responden yang keempat pula, semasa sesi ujian yang pertama dijalan, guru mendapati bahawa murid tersebut tidak dapat mengecam empat perkataan sahaja iaitu aki, ubi, alu dan

labu. Namun begitu, setelah penggunaan kit asas bahasa melayu diperkenalkan, murid tersebut sudah dapat mengecam satu lagi perkataan iaitu ubi.

Akhir sekali, untuk peserta kajian yang kelima, melalui pemerhatian guru semasa sesi yang pertama dijalankan, guru mendapati bahawa murid tersebut tidak mampu untuk mengecam gambar tiga perkataan sahaja iaitu aki, enam dan labu. Setelah menggunakan kit asas bahasa melayu, murid tersebut sudah mampu untuk mengecam kesemua gambar.

2. Kesan penggunaan kit asas bahasa melayu dalam meningkatkan kemahiran mengenal suku kata murid masalah pembelajaran.

Gambar Perkataan	Jadual 2.0		Jadual Senarai Semak								
	R1		R2		R3		R4		R5		
	ADHD	Disleksia	Disleksia	ADHD	Autisme	Sblm	Slps	Sblm	Slps	Sblm	Slps
V+KV	Api	/	/	/	/	/	/	/	/	/	/
	Aki										/
	Ubi	/									
	Ibu	/						/			/
	Isi								/		/
	Alu										
V+VKV	Ayam										
	Awan										
	Itik	/									/
	Ikan										/
	Ular										
	Enam										
KV+KV	Cili	/				/		/			/
	Beca										
	Lori	/				/		/			/
	Guli	/				/		/			/
	Mata	/									/
	Labu										

R1-Responden 1 R2- Responden 2 R3- Responden 3 R4- Responden 4 R5- Responden 5  
 Sblm - Sebelum Slps - Selepas

Bagi responden yang pertama, guru telah menilai keadaan murid tersebut sebagai murid yang tidak mempunyai kemahiran langsung dalam menyebut suku kata yang telah disediakan oleh guru tersebut. Namun begitu, setelah diberikan pendedahan tentang penggunaan kit asas Bahasa Melayu, murid tersebut telah meningkatkan kemahirannya dan berjaya menyebut beberapa perkataan yang telah disediakan oleh gurunya. Antara perkataan yang berjaya disebut oleh murid berkenaan adalah api, ubi, ibu, itik, cili, lori, guli dan mata.

Untuk responden yang kedua dan ketiga bagi murid disleksia, setelah menjalankan ujian menyebut suku kata dan perkataan, guru mendapati bahawa responden kedua tidak dapat menyebut semua perkataan-perkataan yang telah diberikan oleh guru tersebut. Malah, walaupun setelah diperkenalkan tentang penggunaan kit asas Bahasa Melayu, Ianya didapati bahawa murid tersebut hanya mampu menyebut perkataan api sahaja.

Murid yang keempat, guru juga mendapati bahawa murid tersebut tidak mampu untuk menyebut semua perkataan dan suku kata yang telah disediakan olehnya. Namun begitu, setelah guru tersebut membantu murid tersebut dengan memperkenalkan kit asas bahasa melayu, murid tersebut berjaya untuk menyebut beberapa patah perkataan dan suku kata daripada semua perkataan tersebut.

Bagi responden yang terakhir, guru mendapati bahawa murid tersebut juga tidak mampu untuk menyebut suku kata dan perkataan. Namun begitu, hasil dari penggunaan kit asas bahasa melayu semasa sesi ujian yang kedua, didapati bahawa murid tersebut telah mempunyai peningkatan dan mampu menyebut perkataan.

## **PERBINCANGAN**

### **Pengecaman Gambar dan Perkataan Suku Kata**

Berdasarkan kepada hasil kajian yang telah dijalankan terhadap lima murid daripada tiga kategori yang berbeza iaitu ADHD, disleksia dan autisme, Ianya mendapati bahawa kesemua responden belum sepenuhnya dapat melakukan pengecaman gambar. Setelah menggunakan kit asas bahasa melayu, hanya responden yang kelima iaitu kategori autisme yang mampu mengecam hampir kesemua gambar yang telah diberikan semasa kajian dijalankan. Bagi kategori murid ADHD dan disleksia setelah menggunakan kit asas Bahasa Melayu, mereka hanya tidak mampu mengecam satu gambar sahaja.

### **Kemahiran Menyebut Suku Kata dan Perkataan**

Bagi murid-murid yang lain pula, mereka menunjukkan prestasi yang sederhana dan berhasil untuk menyebut beberapa perkataan lain. Namun begitu, terdapat dua orang murid yang menunjukkan prestasi yang lebih memberangsangkan berbanding murid lain kerana mereka berdua mampu untuk menyebut sebanyak lapan perkataan setelah diperkenalkan dengan penggunaan kit asas bahasa melayu. Kedua-dua mereka mampu menyebut perkataan seperti api, ibu, itik, ikan, cili, lori, guli dan mata mereka hanya dibezakan dengan satu perkataan yang berlainan sahaja iaitu aki dan ubi. Responden yang pertama mampu untuk menyebut perkataan aki dan responden yang kelima pula mampu menyebut ubi.

## **CADANGAN**

Untuk kajian yang akan datang, dicadangkan kepada para pengkaji tersebut untuk menggunakan peserta kajian yang lebih banyak dan mampu memberikan respon yang lebih aktif semasa sesi ujian-ujian dijalankan. Dengan menggunakan peserta kajian yang lebih ramai, para pengkaji dapat menambahkan lagi pengumpulan data untuk dianalisis. Selain itu,

disarankan untuk kajian akan datang menggunakan peserta kajian dari kawasan yang berbeza yang tidak hanya tertumpu kepada sebuah sekolah sahaja. Dengan menggunakan para peserta dari sekolah yang berbeza, pengkaji dapat melihat sendiri keberkesanan penggunaan kit asas bahasa melayu dengan lebih meluas.

## KESIMPULAN

Kajian ini telah dilakukan bagi mengenal pasti kesan penggunaan kit asas Bahasa Melayu dalam meningkatkan kemahiran mengenal suku kata perkataan dan pengecaman gambar bagi murid berkeperluan khas (masalah pembelajaran). Kajian ini telah membantu guru-guru untuk meningkatkan lagi keberkesanan di dalam teknik pengajaran mereka semasa sesi mengajar dijalankan bersama-sama dengan murid masalah pembelajaran. Sepanjang menjalankan proses kajian, terdapat beberapa limitasi kajian yang telah dikenalpasti oleh pengkaji. Limitasi yang pertama adalah, kajian ini hanya menggunakan lima orang murid sahaja sebagai responden kajian dan tidak menggunakan lebih banyak peserta kajian. Oleh itu, kajian ini tidak dapat mewakili keseluruhan kumpulan murid yang berkeperluan khas khususnya masalah pembelajaran. Dalam pada itu, pengkaji juga mendapati bahawa kajian ini hanya tertumpu kepada sebuah sekolah sahaja. Disebabkan itu, hasil kajian mungkin tidak dapat mewakili semua murid di seluruh Malaysia dan hanya mewakili murid-murid di sekolah berkenaan. Hasil kajian mendapati bahawa selepas menggunakan kit asas Bahasa Melayu, murid-murid menunjukkan peningkatan semasa mereka melakukan aktiviti mengecam gambar dan menyebut suku kata dan perkataan.

## RUJUKAN

- Abdullah Yusoff & Che Rabiaah Mohamed. 2014. Masalah Pembelajaran: Tanda Dan Simptom Kecacatan Komunikasi Lisan Murid Pendidikan Khas. *Jurnal Bahasa* 14(2): 301-324.
- Aina Nurfasya Ramli, & Rosadah Abd Majid. 2021. Pelaksanaan Terapi Pertuturan Kepada Murid Bermasalah Pembelajaran. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(1): 475-486.
- Aziezatul Nezirah Amri, Mohamed Nor Azhari Azman, Tee Tze Kiong, & Mohd Khairudin. 2019. Keberkesanan Alat Bantu Mengajar (SMART COT) dalam Asas Pembuatan Perabot Sekolah Menengah Kebangsaan Harian Pendidikan Khas Tingkatan Satu. *Journal Of Vocational Education Studies (JOVES)* 2(1): 23-36.
- Chelliah, S., & Othman. 2022. Tahap Penguasaan Bahasa Melayu dengan Pencapaian Prestasi Mata Pelajaran Perniagaan Murid Bukan Melayu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 7(5): 1-16.
- Fariyah Hussain, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Maimun Aqsha Lubis Abdin Lubis & Mohammad Zamri Jusoh. 2020. Amalan Bahan Bantu Pengajaran Guru Dalam Pengajaran Nahu Kurikulum Bersepadu Dini. *Jurnal 'Ulwan* 5(1): 134 - 145.
- Libau, C. M., & Ling, Y.L. 2020. Peranan bahan bantu mengajar dan persekitaran maklum balas dalam meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar. In *National Research Innovation Conference (NRICOn 2020) At: Kuching, Sarawak*, hal. 1-8.
- Maniam, Y., Panjaman, M., Nurul Farhana Jumaat, & Nor Fadila Amin. 2018. Pendekatan Pembelajaran Melalui Bermain Untuk Meningkatkan Kemahiran Murid Membatangkan

- Suku Kata Terbuka Kv+Kv Menggunakan Teknologi Realiti Maya. *In Prosiding Inovasi. Sekolah Pendidikan, UTM*, hal. 302-334.
- Mookan, Abdul Razaq Ahmad, & Norasmah Othman. 2021. Pendekatan Kepelbagai Pengajaran Dari Aspek Penyampaian, Alat Bantu Mengajar, Pedagogi Dan Peneguhan Dalam Pembelajaran Sejarah. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(1): 227-238.
- Noor Aini Ahmad, & Zamri Mahamod. 2015. Pengubahsuaian dalam Pengajaran Kemahiran Bahasa Malaysia bagi Murid Bermasalah Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 4(1): 63-73.
- Nor Hazlinda Shamsudin, & Zulkurnain Hassan. 2021. Keberkesanan Trainer Unit Sppd Sebagai Alat Bantu Mengajar Bagi Kursus Pemasangan Dan Penyelenggaraan Paip Domestik. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)* 10(2): 48-59.
- Norleena Gutasan, Rojiah Saiwah Karim, Zoriffah Mohd Kudin, & Nor Jannah Hassan. 2021. Kit Lexssa Meningkatkan Kemahiran Bacaan Murid Bermasalah Pembelajaran. *Journal of Modern Education* 38(8): 149-166.
- Nurul Aina Nazri & Aliza Alias. 2020. Tahap Penggunaan Multimedia Guru Program Pendidikan Khas Integrasi (Ppki) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (Pdp) Murid Bermasalah Pembelajaran. *In Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN 2020) at /Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*, hal. 121-127.
- Nurul Haniza Samsudin, Puteri Roslina Abdul Wahid & Salinah Ja'afar. 2018. Pengaplikasian Model Awal Kit Asas Membaca Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Kanak-Kanak Pemulihan Khas. *Sains Insani* 3(1): 1-9.
- Nurul Haniza Samsudin. 2017. Penggunaan Kit Asas Membaca Bahasa Melayu untuk Kanak-Kanak Pemulihan Khas. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Puteri Roslina Abdul Wahid, Nurul Haniza Samsudin & Nur Azimah Mohd Bukhari. 2017. Pembangunan Kit Asas Membaca bagi Kanak-Kanak Lembam. *MAHAWANGSA* 4(1): 131 - 146.
- Rashidah Elias & Senana Sulaiman. 2016. Penggunaan *Inst Card* Untuk Meningkatkan Kemahiran Mengeja Perkataan Dengan Suku Kata Tertutup Bagi Murid Bermasalah Pembelajaran. *Asian Education Action Research Journal (AEARJ)* 5: 27-39.
- Suraya Tarasata & Aisah Daud. 2014. Kesan penggunaan perisian asas membaca terhadap pencapaian membaca murid peringkat prasekolah. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 132: 399 – 407.
- Yahya Othman, Aisah Md. Daud, Azmey Othman, Siti Ardiah Pg. Mohiddin & Maszuraimah Muizz Sulaiman. 2012. Pelaksanaan Pengajaran Membaca Menggunakan Kaedah Fonik Peringkat Prasekolah Di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 2(1): 93-109.